

LEMBAR  
ISTILAH  
KELUARAN  
KAYU

Bil. 1/2002

## ISTILAH KELUARAN KAYU

| Bil. | Bahasa Inggeris   | Bahasa Melayu             | Huraian   |
|------|-------------------|---------------------------|---|
| 01.  | Acoustic board    | Papan akustik             | Papan berketumpatan rendah yang beralur, berlurah dan berlubang untuk menyerap bunyi dan gema.  |
| 02   | Agriculture stake | Kayu pancang              | Kayu yang panjangnya tidak melebihi 10 kaki, tebal dan lebar tidak melebihi 2 inci, yang digunakan untuk menyokong tumbuhan.                      |
| 03.  | Apron             | Apron                     | Kayu rentang yang digunakan untuk menyokong kestabilan kaki perabot.  |
| 04.  | Architrave        | Hias jenang               | Kayu berprofil yang digunakan untuk kemasan bingkai pintu dan tingkap.  |
| 05.  | Briquette         | Brikuet                   | Habuk kayu yang telah diproses dan dimampatkan untuk dijadikan bahan bakar.   |
| 06.  | Bare sawn timber  | Kayu gergaji potong tepat | Kayu yang digergaji secara tepat mengikut spesifikasi ukuran.   |
| 07.  | Balcony rail      | Pelepar balkoni           | Kayu berprofil yang digunakan sebagai pelepar langkah serta disokong oleh tiang atau kekisi.  |
| 08.  | Balustrade        | Kekisi                    | Barisan kekisi yang dipasang sama ada untuk tujuan keselamatan atau hiasan.   |
| 09.  | Bargeboard        | Papan tebing              | Papan yang dipasang pada kedua-dua hujung gegulung kerangka bumbung untuk menutup gulung-gulung.  |
| 10.  | Battenboard       | Papan beroti/<br>beluti   | Papan komposit yang terdiri dari teras papan bersaiz antara 25 – 75 mm lebar dan kedua-dua belah permukaannya dikemaskan dengan bahan-bahan lain. |
| 11.  | Beam              | Rasuk, alang              | Komponen struktur yang biasanya berkedudukan mengufuk dan berfungsi untuk memindahkan beban dinding dan   |

| Bil. | Bahasa Inggeris  | Bahasa Melayu       | Huraian  |
|------|------------------|---------------------|--|
|      |                  |                     | ....   |
| 12.  | Bearer           | Penggalas           | Kayu yang digunakan dalam kerja-kerja pembinaan sebagai penyokong atau penyangga kepingan kayu yang lebih kecil daripadanya.   |
| 13.  | Bevel jamb       | Jenang serong       | Komponen struktur yang berprofil serong untuk dijadikan kerangka pintu dan tingkap.  |
| 14.  | Bituminous board | Papan bitumin       | Papan yang dirawat dengan bitumin untuk mendapatkan sifat rintangan air yang lebih baik.   |
| 15.  | Blockboard       | Papan bongkah       | Papan komposit yang terdiri dari teras papan bersaiz antara 7 – 25 mm lebar dan kedua-dua belah permukaannya dikemaskan dengan bahan-bahan lain seperti venir dan papan lapis. |
| 16.  | Board            | Papan               | Papan berukuran 2 inci tebal atau kurang dan lebar 6 inci atau lebih.  |
| 17.  | Box              | Kotak               | Kotak kayu yang siap untuk tujuan pembungkusan dan perlindungan.   |
| 18.  | Brace            | Rambat/palang kukuh | Struktur daripada kayu yang dipasang di kerangka untuk menegarkan atau mengukuhkannya.   |
| 19.  | Bullnose         | Profil tembereng    | Profil kayu separa bulat yang digunakan sebagai kemas.   |
| 20.  | Bunk bed         | Katil bertingkat    | Katil yang bertingkat sesuai untuk ruang terhad.   |
| 21.  | Casing           | Selongsong          | Kayu berprofil yang digunakan untuk menutup ruang-ruang sambungan atau kesan sambungan untuk tujuan kemas.   |
| 22.  | Ceiling          | Siling              | Komponen yang memisahkan bahagian dasar bumbung dengan ruang di  |

| Bil. | Bahasa Inggeris    | Bahasa Melayu       | Huraian   |
|------|--------------------|---------------------|---|
|      |                    |                     | bawahnya...   |
| 23.  | Chipboard          | Papan serpai        | Papan komposit yang dihasilkan secara memampatkan serpai-serpai lignoselulosa dengan bahan resin.<br>Sinonim : <i>Particleboard</i>   |
| 24.  | Clampboard         | Papan kapit         | Kepingan papan yang digunakan untuk mengapit sesuatu barangan supaya dapat memberikan tekanan yang seragam serta mengelakkan kecacatan sampingan.   |
| 25.  | Coat/hat hanger    | Penyangkut kot/topi | Penyangkut kayu berkaki yang digunakan untuk menyangkut kot atau topi.  |
| 26.  | Column             | Tiang               | Komponen struktur tegak yang menerima daya mampatan yang selar dengan paksi keratan.  |
| 27.  | Composite board    | Papan komposit      | Papan yang dihasilkan daripada gabungan beberapa papan panel iaitu sama ada venir, jaluran kayu, papan serpai atau papan gentian.   |
| 28.  | Container flooring | Lantai kontena      | Lantai yang diperbuat daripada kayu atau papan komposit.  |
| 29.  | Corkboard          | Papan gabus         | Papan yang diperbuat daripada bintil-bintil gabus dengan perekat, yang ditekan menjadi bongkah gabus pada suhu yang lebih tinggi daripada suhu bilik. Bongkah gabus yang terhasil kemudian dipotong nipis menjadi papan yang juga digunakan sebagai bahan penebat atau papan kenyataan. |
| 30.  | Crate              | Pak                 | Kerangka kayu untuk tujuan pembungkusan dan penghantaran.   |
| 31.  | Cross arm          | Kayu palang         | Beroti atau beluti yang dipasang melintang di tiang elektrik atau telefon   |

| Bil. | Bahasa Inggeris         | Bahasa Melayu                   | Huraian  |
|------|-------------------------|---------------------------------|--|
|      |                         |                                 | untuk tujuan memegang kabel.   |
| 32.  | Crossing                | Kayu landasan simpangan         | Kayu landasan yang lebih panjang yang digunakan di persimpangan laluan kereta api.   |
| 33.  | Decking                 | Geladak                         | Struktur yang merentasi rasuk atau gelegar bagi membentuk permukaan lantai, pelantar dan bumbung.                                      |
| 34.  | Decorative plywood      | Papan lapis hias                | Papan lapis yang dilapisi dengan bahan hiasan seperti PVC, venir, kertas dan sebagainya di permukaan.                                  |
| 35.  | Door jamb               | Jenang pintu                    | Komponen kerangka pintu yang digunakan untuk menghalang daun pintu daripada terbolos dan memastikan daun pintu tertutup rapat.         |
| 36.  | Fibreboard              | Papan gentian                   | Papan komposit yang diperbuat daripada gentian bahan lignoselulosa yang dimampatkan dengan bahan perekat.                              |
| 37.  | Flakeboard              | Papan tatal                     | Papan komposit yang diperbuat daripada partikel-partikel kayu yang nipis dan panjang yang dimampatkan dengan bahan perekat.            |
| 38.  | Flat jamb               | Jenang rata                     | Komponen struktur yang berprofil rata untuk dijadikan kerangka pintu dan tingkap.  |
| 39.  | Hardboard               | Papan gentian keras             | Papan komposit yang diperbuat daripada gentian bahan lignoselulosa yang dimampatkan dengan menggunakan haba dan tekanan tanpa perekat. |
| 40.  | High density fibreboard | Papan gentian ketumpatan tinggi | Papan gentian berketumpatan melebihi 900 kg/m. Ia sesuai digunakan untuk pembinaan.  |
| 41.  | Insulating board        | Papan tebal                     | Papan gentian binaan yang rendah ketumpatannya dan berupaya menebat aliran haba.   |

| Bil. | Bahasa Inggeris           | Bahasa Melayu                      | Huraian   |
|------|---------------------------|------------------------------------|---|
| 42.  | Medium density fibreboard | Papan gentian ketumpatan sederhana | Papan gentian yang mempunyai ketumpatan di antara 400 – 850 kg/m <sup>3</sup> . Ia sesuai digunakan dalam industri perabot.                           |
| 43.  | Panel                     | Panel                              | Kepingan nipis berbentuk segi empat yang diperbuat daripada kayu atau produk kayu yang dipasangkan pada sesuatu permukaan.                            |
| 44.  | Panelling strip           | Panel kayu jalur                   | Kepingan kayu jalur berprofil yang dipasangkan pada sesuatu permukaan.  |
| 45.  | Particleboard             |                                    | - lihat: <i>chipboard</i>   |
| 46.  | Plank                     | Papan tebal                        | Papan yang berukuran melebihi 2 inci tebal dan lebar 6 inci ke atas, tetapi tebal tersebut mestilah tidak melebihi setengah daripada ukuran lebarnya. |
| 47.  | Mouldings                 | Kayu kumai                         | Kayu gergaji yang di mesin untuk dibentukkan kepada profil tertentu.  |
| 48.  | Sawn timber               | Kayu gergaji                       | Kayu yang digergaji pada saiz tertentu, tetapi tidak diketam.   |
| 49.  | Plywood                   | Papan Lapis                        | Kepingan venir yang dilaminasikan dengan perekat mengikut arah ira kayu yang bersudut tetap di antara satu sama lain.                                 |
| 50.  | Purlin                    | Gegulung                           | Komponen yang berkedudukan melintang pada kekuda bumbung yang berfungsi untuk mengikat kasau pada kedudukannya.                                       |